



Mahasiswa merakyatkan seni budaya warisan zaman



"Kecanggihan teknologi yang serba canggih hari ini tidak meminggirkan kebudayaan warisan dan permainan tradisional bagi memupuk nilai-nilai murni dan semangat kerjasama di kalangan generasi muda hari ini," ujar Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Yusarie Zainuddin ketika menyampaikan ucapan sempena Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS) IPTA - UMP yang diadakan pada 2 Ogos 2010 di Amphitheatre, Kompleks Perkhidmatan Siswa, UMP.

Program anjuran Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKKK) dan Jawatankuasa Penyelaras Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (JKPKKK) Negeri Pahang dengan kerjasama UMP itu bertujuan mengekalkan dan memupuk warisan seni budaya kepada pelajar IPT.

Menurut Profesor Dr. Yusarie, mahasiswa dari luar negara di universiti ini berpeluang mengenali warisan seni budaya di kalangan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.

Katanya, pihak pengurusan universiti menyokong usaha kerajaan dalam memupuk nilai-nilai murni dalam usaha memulihara

dan mengekalkan warisan seni ini di kalangan generasi muda.

Majlis disempurnakan oleh Ahli Parlimen Paya Besar, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Manan Ismail. Hadir sama Pengarah Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, Negeri Pahang, Mohd Sukarno Abdul Wahab.

Dato' Haji Abdul Manan dalam ucapannya berkata, beliau yakin dengan kekuatan UMP untuk membantu dalam menyemarakkan kesuburan warisan seni budaya melibatkan masyarakat luar kampus.

"Saya menyarankan agar golongan mahasiswa penyambung warisan bangsa hari ini memperbanyakkan program mendekati golongan belia dengan menganjurkan program khidmat masyarakat berkala dan khidmat pendidikan dan kaunseling secara sukarela.

"Kepincangan masyarakat hari dengan penyakit sosial menuntut semua pihak bersatu menyelamatkan masa depan generasi muda dewasa ini," ujarnya.

Program sehari itu dipenuhi dengan pelbagai acara dan pertandingan antaranya Ekspressi Kanvas 1 Malaysia, Ceramah Penghayatan 1 Malaysia, Senam Seni

Malaysia, Pertandingan Sukan Rakyat seperti Sepak Raga Ratus, Terompah Gergasi, Boling Kelapa, Laga Buah Keras serta Demonstrasi Wau Naik.

Pelajar Republik Rakyat China, Yan Huan, 20, dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) berkata, beliau berpeluang mengikuti senam seni Malaysia ini kerana ianya agak unik dan menggabungkan pelbagai budaya.

Sementara itu, pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Sasikala A/P Ganaisan, 20, berkata beliau seronok dapat bermain laga buah keras.

"Permainan ini memerlukan kreativiti dan strategi untuk memecahkan buah keras tersebut," katanya.

Turut diadakan pameran daripada agensi kerajaan melibatkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang, Jabatan Penerangan Negeri Pahang, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Perpustakaan Negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Pahang.

Lebih 1,000 pelajar hadir menyertai pelbagai acara dan pertandingan sepanjang program berlangsung.